

SEMINAR AHLI SUNNAH WAL JAMAAH MANHAJ AKIDAH MAJORITI AHLI HADIS

4 JUN 2022 | SABTU | 8.00 A.M - 5.30 P.M | CISCO WEBEX & YOUTUBE LIVE PMUS

Penyertaan adalah terbuka
kepada semua

E-sijil penyertaan disediakan

IMBAS KOD QR
UNTUK PENYERTAAN

PERTANYAAN :

LUQMAN : 0135003424

NORAMALI : 0179872296



"BERSAMA MEMBINA MAHASISWA"



SEMINAR

AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

MANHAJ AKIDAH MAJORITI AHLI HADIS



PANEL 1 : DR. ENSKU IBRAHIM BIN ENSKU WOK ZIN (8AM-9:30AM)
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Usuluddin, UniSZA

TAJUK : Pemikiran Akidah Ulama Melayu dalam Konteks Ahli Sunnah Wal Jamaah

PANEL 2 : DR. MOHD KHAFIDZ BIN SORONI (9:40AM-11:10AM)
Pensyarah Kanan Bidang Hadith, Jabatan Al-Quran dan Sunnah, KUIS

TAJUK : Manhaj Akidah Majoriti Ahli Hadis dalam Konteks Mazhab Asha'irah, Maturidiyyah, Athariyyah dan Sufiyyah



PANEL 3 : MAULANA MOHAMMAD IHSAN BIN ABU BAKAR (11:20AM-12:50PM)
Ketua Bahagian Pengajian Kitab (Alim) di Madrasah Tahfiz Miftahul Ulum, Hulu Langat, Selangor

TAJUK : Manhaj Tafwid dan Takwil Menurut Imam Al-Bukhari dan Imam Al-Tabari

PANEL 4 : DR. AHMAD ARIF BIN ZULKEFLI (2PM-3:30PM)
Pembantu Professor, Kuliyyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, UIAM

TAJUK : Pemurnian Fakta Berkenaan Akidah Ahli Hadis Asha'irah Maturidiyyah, Ahli Hadis Hanabilah Hashawiyyah dan Ahli Hadis Hanabilah Mufawwidah



PANEL 5 : DR. MUHAMMAD RASHIDI BIN WAHAB (3:40PM-5:10PM)
Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Usuluddin, UniSZA


TAJUK : Manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah dalam Menghadapi Pemikiran Anti Hadis



4 JUN 2022
SABTU



08:00AM-5:30PM



CISCO WEBEX
LIVE YOUTUBE PMUS UNISZA

PERASMI

YBhg. Prof. Dr. Fadzli Bin Adam
(Naib Canselor Universiti Sultan Zainal Abidin)



SEMINAR AHLI SUNNAH WAL JAMAAH MANHAJ AKIDAH MAJORITI AHLI HADIS

4 JUN 2022 (SABTU)
8.00 AM - 5.30 PM
CISCO WEBEX & YOUTUBE PMUS

PEMURNIAN FAKTA BERKENAAN AKIDAH AHLI HADIS ASHA'IRAH MATURIDIYYAH, AHLI HADIS HANABILAH HASYAWIYYAH, AHLI HADIS HANABILAH MUFAWWIDAH

OLEH:

DR AHMAD ARIF BIN ZULKEFLI
DEPARTMENT OF USUL AL-DIN & COMPARATIVE RELIGION
ABDULHAMID ABUSULAYMAN KULLIYAH OF ISLAMIC REVEALED KNOWLEDGE &
HUMAN SCIENCES (AHAS KIRKHS)
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

PEMURNIAN FAKTA BERKENAAN AKIDAH AHLI HADIS ASHA'IRAH MATURIDIYYAH, AHLI HADIS HANABILAH HASYAWIYYAH, AHLI HADIS HANABILAH MUFAWWIDAH

*Clarification of Facts Regarding the Beliefs of Ahl al-Hadith Ash'ari Maturidiyyah,
Ahl al-Hadith Hanbali Hasyawiyyah, and Ahl al-Hadith Hanbali Mufawwidah*

AHMAD ARIF BIN ZULKEFLI

Department Of Usul Al-Din & Comparative Religion
Abdulhamid Abusulayman Kulliyah Of Islamic Revealed Knowledge & Human
Sciences
International Islamic University Malaysia

ahmadarif@iium.edu.my

ABSTRAK

Dalam tradisi keilmuan ulama silam khususnya ahli hadis atau muhaddisin, mereka mempunyai pandangan yang berbeza apabila berinteraksi dengan ayat-ayat atau hadis-hadis berbentuk mutasyabihat. Sebahagian daripada mereka mengambil jalan mentafwidkannya dan sebahagian yang lain pula mentakwilkannya. Namun mereka semua sepakat untuk menyucikan Allah daripada persamaan dengan makhluk ciptaanNya dari mana-mana sudut. Namun akhir-akhir ini timbul golongan yang mendakwa mereka mengikut manhaj ahli hadis dalam interaksi ini tetapi pada masa yang sama menyalahi manhaj mereka bahkan menetapkan sifat-sifat yang jelas tidak layak kepada Allah SWT dengan dakwaan ia adalah tafwid. Mereka mengatakan Allah itu mempunyai anggota badan, had, bertempat dan menyerap atau bersatu dengan makhluk namun kemudian seolah-olah menyucikan Allah dengan mengatakan ianya tidak sama dengan makhluk dengan dakwaan inilah manhaj ahli hadis. Justeru kajian ini dilakukan untuk menilai kembali dakwaan-dakwaan mereka dan memberikan klarifikasi terhadap manhaj ahli hadis yang sebenarnya dengan pecahan-pecahannya. Kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif dan kepustakaan. Data yang diperolehi kemudian dibandingkan dengan karya ulama silam bagi mengetahui kedudukan sebenar ahli hadis dan manhaj mereka. Kajian mendapati bahawa manhaj ahli hadis secara umumnya adalah selari dengan kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah dan kekeliruan yang berlaku adalah kerana kurang memahami manhaj mereka dengan sebenar.

Kata Kunci: Manhaj Ahli Hadis, Asha'irah, Hasyawiyyah, Hanabilah

PEMURNIAN FAKTA BERKENAAN AKIDAH
AHLI HADIS ASHA'IRAH MATURIDIYYAH,
AHLI HADIS HANABILAH HASYAWIYYAH,
AHLI HADIS HANABILAH MUFAWWIDAH

DR AHMAD ARIF BIN ZULKEFLI

ABDUL HAMID ABU SULAYMAN KULLIYAH OF ISLAMIC REVEALED
KNOWLEDGE & HUMAN SCIENCES (AHAS KIRKHS)

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (IIUM)

- MANHAJ SAYA DALAM IALAH MENYEBUTKAN NUKILAN SEJARAH TULISAN ULAMA BERKAITAN SEJARAH, BUKAN MENTARJIH

AHLI HADIS ASHA'IRAH MATURIDIYYAH

- **TOKOH AHLI HADIS ASHA'IRAH MATURIDIYYAH**

- I. IBN FURAK (W. 406H)
- II. AL-BAIHAQI (W. 458H)
- III. QADI IYAD (W. 544H)
- IV. IBN ASAKIR (W. 571H)
- V. AL-NAWAWI (W. 676H)
- VI. ZAINUDDIN AL-IRAQI (W. 806H)
- VII. WALIYUDDIN AL-IRAQI (W. 826H)
- VIII. IBN HAJAR AL-ASQALANI (W. 852H)
- IX. AL-SAKHAWI (W. 902H)
- X. AL-SUYUTI (W. 911H)
- XI. DLL

AKIDAH ASHA'IRAH MATURIDIYYAH

- Memilih manhaj pertengahan antara wahyu dan akal dalam bab pengetahuan, antara tasybih dan tanzih dalam bab ketuhanan, antara jabr dan tafwid dalam bab perbuatan manusia.
- Al-Asyairah atau al-Asyari mengisbatkan sifat yang qadim kepada Allah dan ia berdiri pada zatNya, dan dalam isu sifat kalam, membezakan antara kalam nafsi yang qadim yang berada pada zatNya dan kalam lafzi yang diturunkan kepada para nabi yang menunjukkan kepada kalam nafsi tadi.
- Dalam isu perbuatan makhluk, pandangan beliau ialah tawassut dan mengisbatkan kasb yakni segala perbuatan hamba itu adalah diciptakan dan diibda'kan oleh Allah, dan bagi manusia itu kasab dan berlakunya ia dengan kudrah mereka yang baharu (yakni ia adalah makhluk ciptaan Allah), yang tidak boleh memberi kesan pada melakukan sesuatu perbuatan kerana yang menciptakan segala sesuatu itu hanya Allah sahaja. (Ke arah jabriah tapi tak fully jabriah seperti yang disebutkan oleh sebahagian asyairah).

- Selain drpd itu, terdapat beberapa perbezaan ringkas antara asyairah dan maturidiah spt dlm isu menambahkan sifat 'takwin' dan mngtakan ini bukan sifat qudrah dan taaluknya. Dan sedikit perbezaan berkaitan isu afal ibad serta isu tahsin dan taqgbih.
- Al-asyairah tersebar ke seluruh dunia krn tasawwutnya dan juga faktor politik khususnya oleh seljuk di timur, murabitin di maghreb dan ayyubiah di mesir.
- Al-maturidiah tersebar ke negara2 di central asia/asia wusta/bilad ma wara nahr/transoxiana (uzbekistan: toshkent,bukhara, samarqand), kyrgystan, tajikistan, kazakhstan) /, turmuz, khawarizm,) oleh pengasas mazhab ini. Kemudian berkembang ke turki oleh2 org turk.

AHLI HADIS HASYAWIYAH HANABILAH

- Apabila berbicara tentang golongan hasyawiyah, sukar untuk membicarakan ia sebagai sebuah mazhab tersendiri, akan tetapi ia adalah satu golongan yang berbeza pemikirannya tetapi dihimpunkan di bawah satu semangat ta'sub kepada nusus dan kefahaman yang literal terhadapnya. Secara umumnya, ia adalah satu kefahaman yang am dan manhaj pemikiran yang menyeru pengikutnya untuk menerima pemikiran dan berita-berita yang tersebar khususnya yang dinisbahkan kepada sumber yang thiqah tanpa perlu untuk meneliti dan mengkritik cara periwayatannya. Sebahagian ulama membawa naratif perbicaraan tentang golongan ini sebagai sebuah firqah khususnya mereka yang mengikut manhaj yang disebutkan tadi dalam bab akidah seperti yang disebutkan oleh ibn rusyd didalam kitab الكشف عن مناهج الأدلة في عقائد الملة. Menurut beliau, pendirian golongan hasyawiyah boleh disenaraikan seperti berikut:

- - Berpegang kepada nusus semata-mata adalah jalan untuk mendapatkan ilmu iktiqad khususnya dan ilmu agama umumnya secara keseluruhannya dan menolak akal dan dalil-dalil akal.
- - Salah dalam memahami nusus agama itu sendiri, kerana nusus ini memerlukan akal untuk menghuraikannya dan nusus itu mengandungi adillah dan barahin akliah untuk menetapkan akidah yang wajib untuk dipegang dan tidak cukup untuk menetap akidah-akidah ini tanpa burhan dan istidlal yang bersifat akal ini.
- - Kecenderungan untuk memahami nusus ini secara literal yang akan membawa kepada pentajsiman dan pentasybihan yakni menisbahkan sifat-sifat makhluk dan perkara-perkara maaddiah jismiyyah kepada allah swt
- Dan penting untuk disebutkan bahawa golongan ini bukan sahaja memiliki ciri-ciri yang disebutkan tadi sahaja, bahkan ia juga dilihat menyuburkan dan merancakkan pemikiran tasybih yang mencemarkan kesucian akidah islam dalam bab ketuhanan dengan menyerupakan allah dengan makhluknya dari sudut zat dan sifat, atau dengan kata lain, keliru dalam penggunaan qias ghaib 'ala syahid. Dan fahaman ini mula menyusup tumbuh dalam kelompok muslimin dan menerbitkan wakil-wakilnya dalam setiap firqah.

- Terdapat golongan hasyawiyah dalam kalangan ahli sunnah dan syiah (ali sami nashar, nash'ah al-fikr al-falsafi),
- Terdapat golongan hasyawiyah dalam kalangan hanabilah sedangkan hanabilah berlepas diri daripada mereka (ibnul jawzi, daf'u syubah al-tashbih),
- terdapat golongan hasyawiyah dalam kalangan muhaddithin dan mufassirin seperti muqatil bin sulayman (al-shahrastani, al-milal wa al-nihal),
- terdapat golongan hasyawiyah dalam kalangan ahli tasawuf seperti al-salimiyah dan hilmaniah (ali sami nashar, nash'ah al-fikr al-falsafi),
- terdapat golongan hasyawiyah dalam kalangan mazhab akidah dan contoh paling jelas iaitu karramiah (ali sami nashar, nash'ah al-fikr al-falsafi)

Namun ini semua tidaklah secara mutlak, tetapi ada dalam kalangan mereka yang melampau dalam takwilan dan kecenderungan kepada akal semata-mata.

Menurut Kyai Sirajudin Abbas,

- Golongan hasyawiyah juga disebutkan sebagai golongan musyabbihah artinya golongan yang menyerupakan. Kaum musyabbihah digelar kaum musybih (menyerupakan) kerana mereka menyerupakan Allah dengan makhluk-Nya. Mereka mengatakan bahawa Allah bertangan, berkaki, bertubuh seperti manusia.

juga disebutkan sebagai golongan “mujassimah”, yakni kaum yang mengisbatkan tubuh kerana mereka mengisbatkan tubuh bagi Allah. Mereka mengatakan Allah bertubuh terdiri daripada darah, daging, bermuka, bermata, bertangan, berkaki bahkan ada yang mengatakan bahawa Allah itu mempunyai alat kelamin dan kelaminnya itu laki-laki. (lihat syarah nahjul Balaghah juzuk iii, hal. 255).

Kebanyakan kaum musyabbihah atau mujassimah ini mengaku mereka bermazhab Hanbali, tetapi Imam Ahmad bin Hanbal tidak berkeyakinan dan tidak beraqidah sebagaimana mereka.

Antara tokoh2 kaum ini ialah;

- 1) Abu Abdillah bin Hamad bin 'Ali al-Baghdadi al-Warraaq (w 403H), pengarang kitab “syarah usuluddin”, di mana dihuraikan banyak tentang tashbih, yakni keserupaan Allah dengan makhluk.
- 2) Qadhi Abu Ya'la Muhammad bin Hussein bin Khalaf bin Farra' al-Hanbali (w 458H). banyak mengarang kitab usuluddin yang memperkatakan tentang tashbih.
- 3) Abu Hassan Ali bin Ubaidillah bin Nasr al-Zaghuni al-Hanbali (w 527H). mengarang sebuah buku usuluddin yang bernama “al-Idah”, di mana banyak menerangkan soal tashbih dan taklim.
- 4) Dll.

Seorang ulama' Islam daripada kaum ahlussunnah wal jamaah bernama Jamaluddin Ibnu al-Jauzi al-Hanbali (bukan Ibnul Qayyim al-Jauzi) telah mengarang sebuah kitab untuk menolak fahaman kaum musyabbihah ini yang diberi nama “Daf'u Syubahit Tashbih war Rad ala al-Mujassimah”.

Contoh buku yang *khatir*



AHLI HADIS HANABILAH MUFAWWIDAH

- Imam Ahmad b Hanbal merupakan salah seorang ulama salaf yang berpegang teguh dengan al-quran dan sunnah di dalam akidah. Namun pada masa yang sama tidak menolak peranan akal dan bukan juga hasyawiyah, walaupun beliau menjadikan kata putus dalam sesuatu perkara ialah hukum syarak (yakni nas sahih) sama ada dari sudut akidah atau amalan, namun beliau bukanlah seorang yang literal dalam pemahamannya, atau mendahulukan sesetengah nusus daripada yang lain, atau membangkitkan perkara yang tidak pernah dibangkitkan oleh mana-mana ulama salaf lain. Adapun mereka (pengikut) yang menisbahkan diri kepada nama atau mazhab beliau ini kebanyakannya berlegar diantara 3 kecenderungan iaitu:

- Kecenderungan yang melampau-lampau terhadap penggunaan akal seperti yang dilakukan oleh ibn aqil syaikh hanabilah di Baghdad (al-funun), dan abu ya'la sohib (al-muktamad), dan ibn al-jauzi (talbis) yang kemudiannya dikritik oleh ibn taimiah dan ibn qudamah.
- Kecenderungan yang melampau-lampau terhadap nusus, seperti tasyaddud dalam masalah jihah dan ainiah (tempat), atau masalah sifat kalam (yakni berhuruf dan bersuara) sehingga menyebabkan permusuhan yang teruk dan berlakukan pertumpahan darah di Baghdad, Damsyik dan Kaherah terhadap syiah, muktazilah dan asyairah dan ini bertentangan dengan pegangan imam Ahmad b Hanbal.
- Golongan yang mengambil pendirian pertengahan, berlepas diri daripada dua golongan sebelumnya, dan mewakili pendirian imam Ahmad b Hanbal dan para salafussoleh yang lain

Tokoh-tokoh:

- i. Al-Bukhari (W. 256 H)
- ii. Muslim (W. 261 H)
- iii. Abu Zur'ah (W. 264 H)
- iv. Abu Daud (W. 275 H)
- v. Abu Hatim Al-Razi (W. 277 H)
- vi. Usman Bin Said Al-Darimi (W. 280 H)
- vii. DII (Manaqib karangan Ibnul Jawzi)

Akidah mereka: pg 99-

- Antara tuduhan yang sering dilemparkan kepada golongan hanabilah ialah mereka ialah mujassimah dan musyabbihah. Namun hakikatnya tidak semuanya begitu. Bahkan usul mereka ialah menetapkan hadis-hadis sahih seperti mana ia datang tanpa sebarang penambahan dan pengurangan beserta mensucikan Allah daripada segala bentuk perkara yang menunjukkan kepada Allah itu beranggota, mempunyai had, bertempat, dan menyerap/bersatu dengan makhluk. Dan ini juga merupakan pegangan ahli hadis dari kalangan mazhab Syafie, Maliki dan Hanafi.

Tapi ini tidak bermakna tidak ada mujassimah yang berintisab dengan mazhab ini, namun bilangan mereka tidak lah banyak dan tidak mewakili mazhab ini, bahkan mereka juga wujud di dalam mazhab-mazhab lain seperti yang disebutkan oleh ibn taimiah dalam majmuk fatawa beliau (3/186).

Secara ringkasnya, Imam Ahmad b.Hanbal dengan jelas menafikan ajsim dan tashbih di dalam banyak aqwal beliau, antaranya:

وأقوال الحنابلة في نفي التجسيم والتشبيه كثيرة^(٣):

- قال الإمام أحمد: إنما الأسماء مأخوذة بالشريعة واللغة، وأهل اللغة وضعوا هذا الاسم على كل ذي طول وعرض وسمك وتركيب وصورة وتأليف والله تعالى خارج عن ذلك كله فلم يجوز أن يسمى جسماً لخروجه عن معنى الجسمية، ولم يجز في الشريعة ذلك فبطل^(٤)(٥) اهـ.

ونقل ابن حمدان في نهاية المبتدئين ص ٣٠ عن أحمد (تكفير من قال عن الله جسم لا كأجسام).

وفي طبقات الحنابلة لابن أبي يعلى ص ٤٩٩: (قال الوالد السعيد - أبو يعلى - : فمن اعتقد أن الله سبحانه جسم من الأجسام وأعطاه حقيقة الجسم من التأليف والانتقال: فهو كافر لأنه غير عارف بالله عز وجل لأن الله سبحانه يستحيل وصفه بهذه الصفات وإذا لم يعرف الله سبحانه: وجب أن يكون كافراً) اهـ.

وقال العلامة مرعي الكرمي في أقاويل الثقات ص ٦٤: (ومن العجب أن أئمتنا الحنابلة يقولون بمذهب السلف ويصفون الله بما وصف به نفسه وبما وصفه به رسوله من غير تحريف ولا تعطيل ومن غير تكييف ولا تمثيل ومع ذلك فتجد من لا يحتاط في دينه ينسبهم للتجسيم. ومذهبهم أن الجسم كافر بخلاف مذهب الشافعية فإن الجسم عندهم لا يكفر فقوم يكفرون الجسمة فكيف يقولون بالتجسيم) اهـ.

KEKELIRUAN TULISAN B.I.

- Terdapat sebuah penulisan yang secara zahir judulnya seolah-olah ingin menengahi diantara golongan al-asyairah dan ahli hadis disamping menyebuntukan krisis akidah yang berlaku sekitar kurun ke 5 & 6.
- Namun pada hakikatnya, tulisan ini cuba untuk mengelirukan dan memberikan gambaran bahawa al-asyairah adalah golongan ahli bidaah dan sesat serta tidak sepatutnya dijadikan pegangan oleh masyarakat malaysia secara khusus. Sedangkan mazhab ini merupakan mazhab rasmi bagi kebanyakan negeri-negeri melayu dan telah digazetkan di dalam perlembagaan atau undang-undang tubuh negeri.
- Justeru pembentangan ini akan cuba mengeluarkan kekeliruan-kekeliruan yang terdapat di dalam tulisan tersebut secara ringkas.

METODOLOGI PENULISAN

- Metodologi penulisan buku ialah mentahzibkan (meringkaskan) kitab berjudul الأزمة العقيدية بين الأشاعرة وأهل الحديث لخالد كبير علال
- Penulis menggunakan gaya bahasa sendiri
- Memilih maklumat-maklumat tertentu mengikut kesesuaian penulis dan tidak semuanya dimasukkan
- Penulis mengakui dan mengiktiraf bahawa pengarang asal kitab ini adalah seorang salafi namun menurutnya beliau bersikap insof dalam tulisannya kerana masih menganggap al-asyairah sebahagian daripada ASWJ.

MULHAZAT AMMAH TERHADAP TULISAN INI

- Konotasi penulis dalam banyak tempat meletakkan dirinya pada posisi lawan kepada mazhab al-asyairah dalam kritikan
- Terzahir ketidak-puasan hati dengan **sifat kalam** allah (ms63) dan **af'al al-ikhtiyariah** (ms65) dimana inilah isu yang selalu disebut apabila mengkritik al-asyairah, selain daripada isu **takwil**
- Penulis dalam banyak tempat mengetakaggarate isu-isu yang dikritik (ms70)
- Menurut penulis, setiap ayat-ayat yang ingin ditakwil harus mempunyai dalil syarak/naqli terhadap makna takwil itu. Sekiranya tidak, takwilan itu adalah salah.



- Penulis mengatakan al-asyairah mutaakhirin mengisbatkan hanya 7 **sifat 'akliah'** (ms130, 172) dan mereka menggunakan rasa hati untuk mengisbatkan sifat-sifat ini mengatasi dalil naqli dan aqli.
- Melakukan kritikan keras terhadap ulama-ulama besar al-ashairah seperti al-baqillani, ibn furak, al-juwayni, al-qusyairi (ms135), al-ghazali (ms133) dan menunjukkan seolah-olah mereka tidak memahami manhaj al-asyairah dengan betul.
- Melalui tulisan ini, penulis seolah-olah menzahirkan mawqif dan pendiriannya yang sebenar terhadap mazhab al-asyairah iaitu seorang yang sangat cenderung kepada salafi yang tegar.

- Penulis mengatakan ibn kullab mensabitkan sifat-sifat khabariah seperti 'uluw, nuzul & istiwa bagi allah tapi menolak konsep berdirinya al-af'al al-ikhtariah (tindakan2 pilihan) dengan zat allah yang ada kaitan dengan kehendak (masyiah) dan qudrat allah seperti allah berkata-kata dan rahmat allah terhadap hambanya. Menurutny lagi ini menyerupai pendirian jahmiah (ms16, 181) - **rujuk maqalat islamiyin**
- Penulis mengatakan pemikiran al-haris al-muhasibi (w.243h) dan abu al-abbas al-qalanisi sama dengan pemikiran ibn kullab ini. (Ms17)
- Penulis mengatakan allah melakukan apa sahaja yang dikehendaki. Dia sentiasa berkata-kata apabila dia kehendaki dan kata-katanya tidak pernah berakhir. (Ms16) - **kalau kalam nafsi ok, kalau lafzi problem**

- Penulis mengatakan al-asyari mengisbatkan sifat khabariah tapi **menafikan berdirinya af'al ikhtariah dengan zat allah** dan menafikan allah berkata-kata dengan kehendaknya (ms18,181)- **nafi yang mana?**
- Penulis mengatakan takwil yang digunakan oleh ahli kalam ialah merujuk kepada mengalih makna zahir lafaz kepada makna lain yang tidak kuat (ms18) – **ini betul, contoh yakni, kita takwil kepada yad sebab ada qarinah bahasa.**
- Penulis mengatakan ayat-ayat sifat tidak wajar ditakwilkan tapi perlu diisbatkan berdasarkan zahirnya tanpa tasybih (ms18) -
- Penulis mengatakan disisi golongan asyairah, al-quran bukan kalam allah yang sebenar. Ia tidak berhuruf dan bersuara bahkan tidak lebih daripada ungkapan dan penceritaan yang tidak mempunyai kepelbagaian, tidak berjuzuk-juzuk dan tidak terpisah daripada zat ilahi (ms34) - **cari kalam ulama salaf tentang makna kalam-najmulmuhtadi, tggk tentang jwpm ibn zaid qayrawan-dalam manaqib asyairah**

- Penulis mengatakan **sebenarnya makna yang sebenar adalah allah itu tidak ada yang menyerupainya dengan sesuatu dari segi uluhiah, sebaliknya dari segi rupa, ia sama seperti rupaku dan rupa anda sekalian (ms78)-khatir.Zahir ibarat tajsim. Laisa kamislihi. Jadikan ini no 1**
- Penulis mengatakan golongan asyairah mutaakhirin berpendapat sama seperti golongan awal, tapi menambah perkara lain iaitu mentakwilkan sifat-sifat allah. Sifat-sifat allah tidak diisbatkan melainkan 7 sifat sahaja yang mereka namakan sebagai sifat akliah (ms84, 172) - mutaqaddimin asyairah pon takwil, tahdid dulu siapa yang mutaqaddimin; baqilani ect. Mutaakhirin-ghazali, (ibn khalidun muqadimah)

- Penulis mengatakan adalah salah manhaj apabila mengqiaskan turun allah dengan turunnya makhluk atas dakwaan dikira satu kekurangan dan tidak layak bagi allah. **Beliau lupa yang turun allah itu tidak diketahui bentuknya yang sebenar melainkan allah sahaja.** Dia adalah tuhan yang tidak serupa dengan segala sesuatu. Ini membawa maksud perbezaan zat akan membawa kepada perbezaan sifat (ms92)-**apa maksud 'bentuk' disini?Kalau tidak jadi ada kaifiat**
- Penulis mengatakan hadis diatas tidak perlu kepada takwilan (hadis turun allah 1/3 mlm) sesiapa yang mentakwilkannya diminta membawa dalil syarak bagi menyokong tindakannya itu. Jika tidak, itu akan termasuk dalam erti kata menyeleweng dan menafikan nas (ms93)

- Penulis mengatakan sebagaimana yang sabit dari segi syarak, Allah berpisah daripada para makhluknya dan beristiwa diatas arasy yang berada diluar alam maya ini (ms100)
- Penulis mengatakan imam al-tabari mengisbatkan Allah beristiwa diatas arasy danistiwa bagi beliau membawa makna tinggi (ms107)
- Penulis mengatakan asyairah mengatakan af'al bagi Allah tiada kaitan dengan mashiah dan qudrat nya. Allah tiada kemampuan untuk bercakap dan berbicara dengan makhluk. Sebab itu mereka mengatakan quran bukan kalam Allah secara hakiki, sebaliknya tidak lebih daripada penceritaan dan ungkapan tentang kalam Allah (ms108, 154)

6. Pandangan Tokoh-Tokoh Ulama Tentang *Af'al Ikhtiyariyah* (Perbuatan Pilihan) yang Berkaitan Dengan Zat Allah SWT

Dalam isu *af'al ikhtiyariyah* tokoh yang menentang kuat pada peringkat awal ialah Abdullah bin Kullab, Abu Hasan al-Asy'ari dan golongan Asya'irah yang datang selepas daripada beliau. Mereka mengatakan *af'al* atau perbuatan-perbuatan pilihan bagi Allah SWT tidak ada kaitan dengan masyiah dan qudrat-Nya. Allah SWT tidak mempunyai kemampuan untuk bercakap dan berbicara dengan para makhluk. Kerana itu mereka mengatakan al-Quran bukan kalam Allah secara hakiki, sebaliknya tidak lebih daripada penceritaan dan ungkapan tentang kalam Allah SWT sahaja. Dengan sebab isu tersebut orang ramai bercakap tentang pendirian golongan yang disebutkan di atas. Mereka menisbahkan golongan tersebut kepada saki baki golongan ahli bidaah dan Muktazilah (ibn Taimiyyah, t.th.2: 18).

Golongan di atas menamakan *af'al ikhtiyariah* sebagai benda yang baharu (Hawadith). Mereka mengatakan jika ianya harus berdiri dengan zat Allah SWT, bermakna Allah SWT itu tidak sunyi daripada benda yang baharu. Setiap yang tidak sunyi daripada benda yang baharu, adalah baharu. Mereka menafikan sifat tersebut daripada Allah SWT sama sekali, kerana mengelakkan Allah SWT dikaitkan dengan benda baharu (ibn Taimiyyah, t.th:99).

Dakwaan mereka di atas mengandungi kesalahan besar dari segi manhaj, kerana mereka telah menyamakan antara khalik dengan makhluk, kerana mengqiyaskan apa yang berlaku kepada makhluk yang baharu dengan Khalik yang azali. Ini sebenarnya satu dakwaan yang batil, kerana Allah SWT itu sama sekali tidak serupa dengan segala sesuatu baik dari segi zat mahupun sifat. Apa yang berdiri dengan zat Allah SWT yang berkaitan dengan masyiah-Nya

7. Pandangan Tokoh-Tokoh Ulama Tentang Kalam Allah SWT

Isu kalam Allah SWT juga ada kaitan dengan *af'al ikhtiyariyah*. Jika Allah SWT tidak bersifat dengan sifat kalam, bermakna al-Quran bukan kalam Allah yang hakiki. Jika Allah SWT bersifat dengan sifat kalam, bermakna al-Quran adalah kalam Allah secara hakiki. Isu ini telah menimbulkan perdebatan yang besar di antara ahli hadis dengan golongan Asya'irah. Generasi salaf atau awal Islam menyatakan al-Quran adalah kalam Allah yang bukan makhluk. Daripada Allah SWT ia datang dan kepada-Nya ia kembali. Tetapi setelah muncul ibn Kullab, beliau mencipta pendapat yang ketiga antara ahli sunnah dengan golongan Muktazilah. Beliau beranggapan al-Quran bukan kalam Allah SWT secara hakiki, sebaliknya tidak lebih daripada penceritaan tentang kalam Allah SWT sahaja. Pendapat beliau ini kemudian tersebar secara meluas dalam kalangan segolongan ahli kalam dan akhirnya dipegang oleh Abu Hasan al-Asy'ari dan murid-muridnya dalam kalangan generasi Asya'irah yang awal. Mereka beranggapan kalam Allah SWT ialah makna yang berdiri dengan zat Allah SWT. Jika dita'birkan dalam bahasa Arab, ia menjadi al-Quran. Jika dita'birkan dalam bahasa Ibrani, ia menjadi Taurat dan jika dita'birkan dalam bahasa Suryani, ia menjadi Injil (Abu al-Muzaffar al-Isfaraini, t.th:16).

Oleh kerana kalam Allah SWT di sisi al-Baqilani merupakan makna yang berdiri dengan zat Allah SWT, tidak berbeza dan tidak akan berubah, bermakna kalam Allah yang diturunkan kepada para Rasul-Nya, bukan kalam-Nya secara hakiki, sebaliknya tidak lebih daripada sekadar tanda-tanda dan ungkapan tentang kalam Allah SWT sahaja. Oleh kerana ia tidak berubah, bermakna setiap kitab yang diturunkan, di dalamnya mengandungi satu kalam sahaja, tetapi mengandungi bahasa-bahasa yang berbeza. Ini bermakna firman Allah SWT:

تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ



Merupakan satu kalam sahaja dan ia juga wujud dalam kitab-kitab yang diturunkan pada masa lampau. Ini sebenarnya termasuk di dalam pendapat yang batil dan termasuk sesuatu yang pelik dan melucukan.

Nada perbincangan yang sama juga dilakukan oleh Imam al-Ghazali. Bagi beliau kalam Allah adalah azali lagi qadim dan berdiri dengan zat Allah SWT. Al-Quran dibaca dengan lidah-lidah, tertulis dalam mashaf dan dihafaz dalam hati-hati. Kalam Allah SWT itu bersifat qadim dan berdiri dengan zat Allah SWT, tidak berpisah dengan cara berpindah ke dalam hati-hati manusia dan kertas (al-Ghazali, t.th.1; 156-157). Keterangan Imam al-Ghazali di atas mengandungi pertentangan dan tidak mungkin dapat digambarkan pada akal fikiran manusia. Ini kerana jika al-Quran tidak berpisah dengan cara berpindah ke dalam hati-hati manusia dan kertas, ketika itu sudah tentu tidak sesuai kalau dikatakan ia tertulis dalam mashaf dan dihafaz di dalam dada-dada manusia.

Tokoh ahli kalam yang lain, Abu al-Fath al-Syahrustani al-Asy'ari (548) juga mengulangi perkara yang sama yang disebutkan oleh al-Baqilani tetapi tidak terperinci. Cuma beliau menegaskan kalam Allah SWT di sisi golongan Asya'irah adalah makna yang berdiri dengan zat Allah SWT. Ungkapan dan lafaz-lafaz yang diturunkan kepada lisan para malaikat tidak lebih daripada keterangan kepada kalam Allah SWT yang azali. Ia adalah makhluk yang dicipta tetapi Tuhan yang diisyaratkan dengan kalam itu adalah Tuhan yang bersifat qadim lagi azali (al-Syahrustani, t.th.1:109). Ini membawa maksud surah-surah al-Quran, huruf-huruf dan ayat-ayatnya, adalah keterangan yang baharu dan bukan kalam Allah SWT secara hakiki, kerana kalam Allah SWT adalah azali yang berdiri dengan zat Allah. Walau bagaimanapun beliau tidak menjelaskan siapa sebenarnya yang mengeluarkan lafaz-lafaz dan ungkapan-ungkapan yang menjelaskan tentang kalam Tuhan yang azali itu. Beliau juga tidak menjelaskan daripada mana munculnya pembahagian terhadap kalam Allah SWT di atas. Apakah ia datang daripada Kitab Allah SWT dan al-Sunnah al-Nabawiyah atau tidak lebih daripada tanggapan dan tekaan secara rambang sahaja?

Syeikh Iz al-Din Abd Salam al-Asy'ari (meninggal 660H) menjelaskan kalam Allah SWT qadim dan berdiri dengan zat Allah SWT dan tidak menyerupai kalam manusia. Ia tidak berhuruf dan bersuara. Namun begitu ia tetap merupakan kalam Allah SWT yang tertulis dalam mashaf, dihafaz dalam dada dan dibaca oleh lidah-lidah (al-Dawudi, t.th.1:227 dan 326). Penjelasan yang dibuat oleh beliau di atas mengandungi pertentangan dan kesalahan dan tidak banyak berbeza dengan keterangan al-Baqilani, al-Ghazali dan al-Syahrustani

sebelum ini. Oleh kerana kalam Allah SWT itu qadim azali yang berdiri dengan zat Allah SWT dan tidak berhuruf dan tidak bersuara. Ini bermakna kalam itu bukan datang daripada Allah SWT dan tidak ditulis dengan huruf. Ini membawa makna al-Quran dengan segala huruf, surah dan ayat-ayatnya bukan merupakan kalam Allah SWT, kerana menurut Syeikh Iz al-Din, Allah SWT tidak bercakap dengan huruf dan suara. Cuma yang peliknya didapati beliau menjelaskan kalam Allah SWT itu ditulis pada mashaf, dihafaz dalam dada-dada dan dibaca dengan lisan-lisan manusia. Persoalannya bagaimana al-Quran boleh dikatakan sebagai kalam Allah SWT, sedangkan huruf-hurufnya bukan kalam-Nya, kerana Allah SWT tidak berbicara dan bercakap dengan huruf dan suara?. Berdasarkan keterangan di atas beliau tidak membezakan kalam Allah SWT sebagai satu sifat yang azali dengan kaitannya dengan masyiah Allah SWT dalam berbicara dan bercakap, mengikut apa yang Dia kehendaki dan bagaimana Dia kehendaki.

Taj al-Din al-Subki asy-Syafie al-Asy'ari (meninggal 771H) juga mengulangi perkara yang sama yang diulas oleh tokoh-tokoh ulama yang disebutkan di atas. Beliau menyatakan kalam Allah SWT itu qadim dan bukan makhluk, yang sentiasa wujud dan tidak harus berpisah daripada zat-Nya. Seterusnya beliau menyatakan al-Quran tertulis di atas mashaf secara hakiki (al-Subki, t.th.3:417). Jika diperhatikan kepada keterangan Imam al-Subki di atas, ada dua persoalan timbul iaitu sama ada al-Quran itu dengan huruf dan makna-maknanya merupakan kalam Allah SWT dan ini menunjukkan kalam itu berpisah daripada Allah SWT. Daripada Allah al-Quran itu datang dan kepada-Nya ia akan kembali. Tetapi keterangan sebegini ditolak oleh Imam al-Subki atau al-Quran kalam Allah SWT yang tertulis pada mashaf bukan kalam Allah SWT secara hakiki, kerana kalam Allah SWT menurut Imam al-Subki adalah satu dan tidak berjuzuk-juzuk. Ia merupakan penceritaan dan ungkapan tentang kalam Allah SWT dan merupakan pendapat yang dipegang oleh golongan Asya'irah.

Meskipun majoriti golongan Asya'irah berpendapat seperti di atas dalam persoalan kalam Allah SWT, namun salah seorang tokoh besarnya menyelisihinya mereka dan berpegang dengan mazhab salaf

iaitu Faqih Abdullah bin Yusuf al-Juwaini (meninggal 438H) ayahanda kepada Imam al-Haramain. Beliau menjelaskan syeikh-syeikhnya dalam kalangan golongan Asya'irah gagal memahami konsep sebenar kalam Allah SWT, sebaliknya mereka hanya memahaminya dari sudut pandang kalam para makhluk. Bagi mereka, mengatakan kalam Allah SWT berhuruf adalah sama dengan menyatakan Allah SWT itu mempunyai anggota dan organ, manakala bersuara pula sama dengan menyatakan Allah SWT mempunyai halkum dan rahang. Seterusnya Imam al-Juwaini menyatakan pendapat golongan Asya'irah itu adalah pendapat yang tidak tepat, sebagaimana mereka juga mempunyai pendapat yang tidak tepat dalam permasalahan sifat. Ini kerana mereka memahami kalam Allah SWT sebagaimana mereka memahami kalam manusia. Kemudian seterusnya beliau memutuskan Allah SWT berkata-kata dan berbicara dengan berhuruf dan bersuara, tetapi yang layak bagi-Nya dan tidak perlu kepada anggota atau alat-alat tertentu, kerana Allah SWT adalah tuhan yang maha berkuasa, sedangkan tuhan yang maha berkuasa tidak memerlukan semua itu. Pendapat ini sebenarnya lebih mententeramkan jiwa dan merehatkan manusia daripada sikap keterlaluan golongan Asya'irah yang mengatakan al-Quran hanyalah ungkapan tentang kalam Allah SWT. Imam al-Juwaini memutuskan ketika seseorang membaca al-Quran, dia sebenarnya membaca kalam Allah SWT yang sebenar, kerana kalam dinisbahkan kepada orang yang mengucapkan daripada permulaan dan bukan dinisbahkan kepada orang yang mengucapkannya sebagai pelaksana dan penyampai (al-Juwaini, t.th: 27-28).

Pendapat Imam al-Juwaini di atas adalah benar dan mengumpulkan sekaligus antara nakli dengan akli. Allah SWT memang tidak serupa dengan sesuatu dalam kalangan makhluk dari segi zat dan juga sifat. Tidak sah mengqiyaskannya dengan makhluk Allah SWT. Kalam Allah SWT adalah yang layak bagi-Nya dan tidak ada hubung kait antara kalam Allah SWT dengan rahang dan tengkuk. Allah SWT menjelaskan Dia menjadikan kaki-kaki dan tangan musuh-Nya akan berbicara untuk menyaksikan segala perbuatan yang dilakukan mereka, sedangkan ia tidak mempunyai ruang dan juga anggota. Hari ini kita melihat ada alat yang boleh bercakap tetapi ia tidak mempunyai rahang, anggota mahupun peti suara.

- Penulis mengatakan allah memahamkan nabi musa apa saja yang dikehendakinya. Ini bermakna berlaku juzuk-juzuk pada kalam allah yang ditolak oleh asyairah dan mereka telah kafirkan ahli hadis yang berpegang sebegini (ms118-119)
- Penulis mengatakan imam ahmad berpendapat allah berkata-kata dengan suara (ms119)
- Penulis mengatakan al-ghazali berpendapat nabi musa mendengar kalam allah tanpa huruf dan suara dan ini tidak bersandarkan dalil nakli atau akli dan ini hanyalah sangkaan semata-mata (ms126)
- Penulis mengatakan quran memerintahkan kita mengikut sunnah secara mutlak tanpa membezakan antara sunnah ahad mahupun mutawatir dan tanpa membezakan antara yang usul atau cabang (ms138)

- Penulis mengatakan memang tidak diragui bahawa hadis mutawatir lebih kuat berbanding hadis ahad, tapi tidak bermaksud hadis ahad perlu ditinggalkan sama sekali, sebaliknya perlu lihat sanad dan matan. Kalau sahih kita boleh terima, kalau tidak sahih kita tidak perlu menerimanya. Oleh itu tidak benar mengatakan hadis ahad tidak membawa ilmu yang meyakinkan secara mutlak (ms139)
- Beliau mengkritik asyairah menggunakan kitab *al-sijzi al-rad ala man ankara al-harf wa al-sawt* dan menghuraikan kitab ini (ms141)
- Penulis mengatakan ayah imam haramain rujuk balik dari asyairah dan kembali kepada salaf dan mengkritik asyairah (ms145, 157)
- Penulis mengatakan imam juwaini juga tarik kembali pendapatnya yang takwil dalam irsyad, tinggal dan kembali kepada salaf (ms145, 157)

- Penulis mengatakan al-ghazali pun tidak stabil. Awalnya mengisbatkan 7 sifat dan takwil yang baki. Setelah itu baru kembali ke manhaj sunnah (ms158, 165)
- Ahli hadis disisi penulis adalah orang yang berpegang kepada sunnah / salaf (bukan muhaddith) (ms166)
- Penulis mengatakan ilmu kalam adalah punca jadi krisis sebab tidak berdasarkan manhaj ilmu yang betul, tetapi based on dakwaan, sangkaan, waham, tanggapan, khayalan dan tekaan rambang, tidak berdasarkan ilmu, tapi banyak bergantung kepada qias-qias yang hanya pada tahap sangkaan dan zan, bukan pada tahap yang meyakinkan (ms169)
- Penulis memahami bahawa asyairah berkata allah tidak dapat berbuat apa-apa, dia tidak bercakap dengan iradahnya, tidak bersifat dengan apa-apa sifat. Quran bukan kalam allah secara hakiki. Allah tidak berada di dalam alam dan diluar alam. Dia tidak boleh disifatkan mempunyai hikmah rahmat dan keampunan (ms170)

- Penulis mengatakan asyairah kata kena tolak al-af'al al-ikhtariah bagi allah dan kena takwil sifat khabariah sebab kalau tak, akan berlaku tasybih(ms172,181)
- Penulis mengatakan asyairah suruh takwil sifat-sifat istiwa, nuzul, sebab takut tasybih tetapi isbat 7 sifat (ms173)
- Penulis mengatakan asyairah mutaakhirin gagal beriltizam dengan pendapat guru mereka al-asyari berkaitan sifat-sifat allah (yakni asyari mengisbat tapi mereka mentakwil) (ms178)
- Penulis mengatakan asyari menafikan sebab dan musabab, dan iman menurut mereka adalah membenarkan dalam hati sahaja (ms181)
- Asyairah menafikan af'al ikhtariah sebab mengisbatkannya tidak sesuai dengan allah sebab ia adalah benda baru (ms181, 189)

- Penulis mengatakan asyairah menamakan perbuatan allah berkaitan dengan zatnya sebagai benda baru (hawadith) (ms183)
- Penulis mengatakan asyairah duduk ditengah diantara ahli sunnah/ahli hadis/salaf dan muktazilah, jahmiah (ms186)
- Penulis mengatakan patut kita kata istiwa allah atas arasy tidak sama seperti istiwa manusia, tangan nya tidak sama seperti tangan manusia, turunnya ke langit tidak sama seperti turun manusia dan begitulah lain-lain sifat (ms191)
- Penulis mengatakan orang yang nafi istiwa allah dan takwil kepada perkataan istila. Kenapa allah tidak guna perkataan itu sendiri sedangkan dia boleh sahaja guna? Kenapa dia biar sahaja, lalu datang golongan yang suka takwil dan guna perkataan itu (ms192)
- Penulis mengatakan apabila kita sebut tangan allah dan tangan pengawal, muka manusia, muka pakaian, muka dinding, kita tahu itu hanya persamaan dari segi nama sahaja bukan hakikat (ms195)

- Penulis mengatakan antara tokoh salaf selepas kurun 4 ialah: A. Hamid isfirayini, al-sijzi, ibn abi zaid, ibn abd bar, al-zanjani, A. Usman sabuni, al-juwaini (bapa), A. Maali (anak), A. Ya'la al-farra, dll (ms200)
- Penulis mengatakan imam al-ghazali kata manhaj yang benar lagi jelas dalam memahami ayat-ayat & hadis sifat ialah mazhab salaf (iljam al-'awam)(ms201)
- Penulis mengatakan tangan ada dua makna; 1 anggota, 1 lagi tiada hubungan dengan jisim contoh: negara itu dalam tangan amir. Rasulullah SAW tidak memaksudkan dalam hadisnya tangan yang berjisim yang terdiri daripada darah daging tulang... orang awam kena iktikad bahawa tangan itu merupakan satu ungkapan tentang satu makna daripada makna-makna tertentu yang bukan jisim/aradh, yang mana makna itu layak bagi allah (ms202-203) – inilah takwil yang asyairah buat.

- Kata-kata imam malik: caranya tidak diketahui iaitu perincian tentangnya tidak diketahui (ms208) –
الاستواء معلوم والكيف مجهول والسؤال عنه بدعة
- Penulis mengatakan maksud takwil ialah menjelaskan maknanya selepas menghilangkan zahirnya, contoh: takwil lafaz *fawqa* dengan makna tinggi maknawi seperti sultan lebih tinggi dari wazir. Kita tidak ragu dari segi sabit makna ini kepada allah, tapi kita ragu dengan lafaz *atas* yang ada dalam firman allah (يخافون ربهم من فوقهم) adakah yang dimaksudkan dengan makna maknawi atau makna lain yang layak dengan kebesaran allah, dan bukan tinggi yang melibatkan tempat yang mustahil terdapat tuhan yang tidak berjisim dan tidak ada sifat tertentu pada jisim itu ...(ms212)

- Penulis mengatakan nabi tidak pernah menyembunyikan sesuatu yang diturunkan kepada baginda untuk disampaikan kepada para makhluk (ms217) – tidak **semua yang diturunkan diperintahkan untuk disampaikan.**
- Penulis mengatakan usaha orang awam untuk memahami sifat allah menggunakan pendekatan takwil dan dengan menggunakan kefahaman para ulama adalah bidaah yang keji (kerana menghapuskan sunnah yang ma'thur (ms222). Menahan diri dari terlibat dalam amalan sunnah (ms218)
- Penulis mengatakan asy'ari pada akhir hayatnya berpegang pada salaf. Qauluhu: ... kita berpegang dengan manhaj yang dipegang oleh ahmad b hanbal ... allah *bersemayam* diatas arasy (ms229)



- REVIEW TERHADAP KITAB AZMAH AQIDIAH
- # Asy'airah wasatiyyah antara salaf dan muktazilah ? #
- Saya membaca kitab " krisis aqidah antara asy'airah dan ahli hadis karya darikhalid kabir ", dan kitab ini merupakan antara rujukan utama bagi buku prof daribasri ibrahim.
- Banyak kenyataan dari kitab krisis akidah agak menyimpang dari hak dan kebenaran, antaranya mengenai kefahaman konsep wasatiyyah yang dipegang oleh asya'irah.
- Wasatiyyah asy'airah bukan sebagaimana yang dinyatakan oleh darikhalid, menurut beliau asy'airah merupakan wasatiyyah antara salaf sahih dan muktazilah yang bathil. Dengan kata lain asyairah mengambil pandangan yang bercampur antara yang bathil dan yang hak. Pandangan mereka bukan benar sepenuhnya dan bukan bathil sepenuhnya. Mereka bukan atas jalan salaf sepenuhnya dan bukan jalan muk'tazilah sepenuhnya, bahkan mereka merupakan aliran ketiga dari dua aliran tersebut.
- Kenyataan darikhalid ini sebenarnya atas dakwaan semata dan jauh dari insaf.
- Tidakkah beliau tahu bahawa ahli sunnah asy'airah :
 - 1. Mengisbatkan allah dapat dilihat (menafikan muktazilah) dan dalam masa yang sama menafikan berjihad (menafikan mujassimah musyabbihah)
 - 2. Mengisbatkan perbuatan hamba adalah makhluk allah (menafikan qodariyah) dan dalam masa yang sama mengisbatkan usaha hamba (menafikan jabariyah), makanya perbuatan hamba akan dihitung sebagai hukum taklif.
 - 3. Mengisbatkan sifat ketuhanan (menafikan muktazilah DLL) dalam masa sama menafikan berkaifiyat (menafikan musyabbihah mujassimah)
 - 4. Mengisbatkan hukum tidak boleh memberontak (menafikan khawarij) dalam masa sama mengisbatkan (redho dan bersabar)
 - 5. Mengisbatkan asbab, dalam masa yang sama asbab tidak memberi kesan
 - 6. Dan banyak lagi inilah wasat bagi ahli sunnah asy'airah maturidiyyah
- Kesimpulannya, kitab darikhalid ini mengandungi ketempangan hujahan dan fakta